

06 SEP 2003

Paramotor-Rekod (Bergambar)

REKOD MERENTASI SELAT MELAKA DENGAN PARAMOTOR DICIPTA

ALOR STAR, 6 Sept (Bernama) -- Lima penerbang paramotor hari ini berjaya membuat penerbangan menggunakan paramotor menyeberangi Selat Melaka dalam cubaan mereka untuk mencipta rekod sebagai kumpulan pertama berbuat demikian .

Usaha mereka itu dinamakan Langkawi-Kuala Perlis-Alor Star Paramotor Marathon 2003, melibatkan jarak 96 km.

Ia dianjurkan Kelab Rekreasi Udara Langkawi (KRUL), Majlis Tindakan Pelancongan Kedah serta Perlis dan Persatuan Paramotor Malaysia.

Pengurus Besar Majlis Tindakan Pelancongan Kedah Mansor Ismail, yang juga pengerusi program berkenaan berkata mereka akan cuba memasukkan kejayaan itu dalam catatan Malaysia Book of Records.

Beliau berkata empat dari lima penerbang itu selamat mendarat di tempat ditetapkan iaitu padang bola sepak Sekolah Menengah Tunku Abdul Rahman, Mergong.

Presiden Persatuan Luncur Udara Bermotor Malaysia yang juga ketua pasukan berkenaan Lt Kol (B) Basir Abdul Rahman adalah yang terawal mendarat, pada 4.28 petang diikuti Rohaizi Mohamed Hussin, 33, yang juga setiausaha persatuan berkenaan.

Dua lagi adalah Mohamad Mos, 27, dan Minggat Spencer, 45, sementara William Wong, 49, tersasar dari tempat ditetapkan dan mendarat di padang bola sepak Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Abdul Malik.

Beliau berkata kumpulan berkenaan pada awalnya dianggotai lapan orang dan berlepas dari Lapangan Terbang Antarbangsa Langkawi Padang Matsirat 10 pagi ini dan mendarat di Kuah 20 minit kemudian, yang meliputi jarak 23 km.

Katanya pasukan berkenaan berlepas dari Kuah ke Kuala Perlis sejauh 33 km pada 12.05 tengah hari, dengan hanya tujuh anggota setelah seorang peserta wanita terpaksa membatalkan penerbangan kerana masalah teknikal.

Beliau berkata pasukan itu tiba di Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Perlis pada 1.35 petang dan meneruskan perjalanan ke Alor Star sejauh 40 km, pada 3.40 petang, dengan hanya lima penerbang.

Beliau berkata para penerbang berkenaan akan dipertemukan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Lapangan Terbang Kepala Batas, Alor Star pagi esok semasa ketibaan beliau untuk lawatan sehari ke Kedah.

"Dr Mahathir adalah pencetus idea program berkenaan pada 1999," katanya.

Sementara itu Basir berkata paramotornya kehabisan minyak semasa merentasi Selat Melaka kerana beliau terpaksa berulang alik mengawal penerbang lain.

"Saya terpaksa mendarat di laut, diselamatkan polis marin dan dibawa ke Kuala Perlis dan di sana dengan menggunakan paramotor yang baru, meneruskan perjalanan ke Alor Star," katanya.

Beliau berkata cuaca dari Langkawi ke Kuala Perlis adalah baik tetapi semasa menuju Alor Star angin bertiup dengan kuat.

Kejayaan hari ini memberi beliau semangat bagi meneruskan usaha mencipta rekod dan pada masa depan berazam untuk membuat penerbangan dari Melaka ke Sumatera, Indonesia.

-- BERNAMA

MZM RON